

## The Impact of French Occupation on Egypt (1798-1801): A Reassessment

Kesan Penaklukan Perancis ke Atas Mesir (1798-1801): Suatu Penilaian Semula

WAN KAMAL MUJANI & NAPISAH KARIMAH HJ. ISMAIL

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk menilai semula sejauh mana kebenaran dakwaan yang menyebut bahawa 'pendudukan Perancis ke atas Mesir dari 1798 hingga 1801 telah membawa pembaharuan besar kepada negara tersebut dari aspek politik, ekonomi dan sosial, di samping ia juga banyak meninggalkan kesan positif sehingga negara itu melangkah ke zaman kemodenannya.' Pada pendapat penulis, isu ini perlu dilihat semula memandangkan sehingga kini masih terdapat beberapa penulis lain yang sehaluan dengan pandangan tersebut yang sebenarnya tidak tepat dan tidak disokong oleh fakta-fakta sejarah. Realiti sejarah membuktikan bahawa Perancis tidaklah berjaya membawa pembaharuan ke atas Mesir dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Malah, kedatangan mereka lebih banyak meninggalkan kesan negatif berbanding kesan positif. Sebagai contoh, meskipun penduduk Mesir didedahkan kepada idea demokrasi melalui penubuhan beberapa buah Diwan (Dewan Perwakilan) dan berpeluang melibatkan diri dalam pentadbiran negara, namun hakikatnya mereka tidak memiliki apa-apa kuasa kerana ia masih berada di tangan Perancis secara mutlak. Dari aspek ekonomi, Perancis juga tidak berjaya membawa kemajuan dalam sektor perdagangan, pertanian, dan perindustrian lantaran ketidakstabilan politik dan penguatkuasaan cukai-cukai tinggi yang memberi kesan buruk kepada rakyat Mesir. Sementara dari sudut sosial, kebanyakan pembaharuan yang dilakukan hanyalah untuk kepentingan Perancis sahaja sama ada dalam aspek pengetahuan, pendidikan, teknologi mahupun yang lain. Pembaharuan sebenar di Mesir hanyalah berlaku selepas pengunduran Perancis iaitu pada zaman Muhammad 'Ali Pasha (1805-1849) yang telah memajukan negara tersebut dari aspek ekonomi, politik dan sosial yang akhirnya memberi kesan positif kepada pembangunan negara itu.*

*Kata kunci: Kesan penaklukan Perancis, penilaian semula, pemodenan Mesir, Muhammad 'Ali Pasha*

### ABSTRACT

*The aim of this article is to reassess how far the remarks that 'the French occupation on Egypt (1798-1801) had brought massive reformation from political, economic and social aspects and at the same time it also gave many positive effects until the country started its process of modernization.' We view that such statement should be reviewed since there are still many writers support such incorrect ideas which were not supported by historical facts. The history proves that the French was not successful in bringing the reformation to Egypt from political, economic and social aspects. Moreover, their invasion caused more negative effects compared to the positive effects. Politically, even though the Egyptians were exposed to the idea of democracy and parliamentary by the establishment of several Diwans (House of Representatives), in reality they were not in power because the true power was completely in the hand of French. From the economic aspect on the other hand, the French did not succeed in bringing the development in trade, agriculture and industry because of the recurrent political unrests and the imposition of heavy taxes which gave bad effects to the people. Meanwhile, from the social aspect, most of the reformations in knowledge, education, technology etc were also done for sake of French. The real changes and reformations in Egypt only occurred after the retreat of French i.e during the reign of Muhammad 'Ali Pasha (1805-1849) who developed Egypt on all the three main aspects of politics, economics and social which finally brought the positive effects to the development of the country.*

*Keywords: Effects of French occupation, reassessment, modernisation of Egypt, Muhammad 'Ali Pasha*

### PENDAHULUAN

Mesir atau kini Republik Arab Mesir merupakan sebuah negara yang terkenal dengan sejarah tamadun manusia sejak zaman Firaun lagi. Ini diikuti zaman Greek dan Rom dan zaman selepas kedatangan Islam ke situ yang

memperlihatkan kemunculan beberapa buah kuasa yang diterajui oleh Khulafa' al-Rashidin, Bani Umayyah, Bani 'Abbas, Tulun, Ikhshid, Fatimi, Ayyubi, Mamluki dan 'Uthmaniyah sehinggalah Mesir dijajah oleh bangsa Eropah, iaitu Perancis dan British. Penguasaan Mesir oleh banyak kerajaan telah menjadikannya sebagai sebuah

negara yang sarat dengan sejarah yang menarik untuk dikaji dan dianalisis. Tambahan pula, kekayaan sumber ekonomi dan lokasinya yang istimewa, iaitu di tengah-tengah jalan perdagangan antara Barat dan Timur telah berjaya menarik kuasa-kuasa besar untuk menguasainya sejak dahulu lagi.

Perancis adalah negara Eropah terawal menduduki Mesir selepas berlaku kemerosotan politik dalam pemerintahan 'Uthmaniyah di Mesir pada penghujung abad ke-18. Penaklukan Perancis hanya berlangsung dalam tempoh lebih kurang tiga tahun sahaja, iaitu dari 1798 hingga 1801 dan Napoleon Bonaparte, salah seorang Jeneral Perancis merupakan individu yang bertanggungjawab mengetuai ekspedisi penaklukan tersebut. Meskipun penaklukan berlangsung dalam masa yang singkat, tetapi majoriti sarjana Barat mendakwa bahawa peristiwa itu telah memberi begitu banyak kesan positif kepada Mesir sehingga dikatakan kemasukan Perancis ke Mesir merupakan permulaan 'zaman moden' di negara itu. Salah satu kenyataan mereka berbunyi ... 'without Bonaparte, modern Egypt is inconceivable' (Dykstra 1998: 115).

Penyataan ini menggambarkan bahawa Perancis telah membawa kemodenan serta kemajuan kepada Mesir dan penaklukan kuasa Eropah itu telah meninggalkan kesan positif yang besar. Inilah isu pokok yang hendak dinilai kembali bagi melihat kebenaran dakwaan tersebut dan sejauh mana kesan positif yang terhasil daripada penaklukan itu. Perkara lain yang turut dicerakinkan ialah keadaan Mesir di ambang kedatangan Perancis dari segi politik, ekonomi dan sosial serta faktor-faktor yang mendorong Perancis melakukan penaklukan tersebut. Beberapa maklumat tentang keadaan Mesir selepas pengunduran Perancis juga dipaparkan untuk melihat landskap Mesir secara lebih makro.

## FAKTOR PENAKLUKAN MESIR

### FAKTOR POLITIK

Persaingan dan permusuhan antara Perancis dan British merupakan antara faktor utama yang membawa Perancis menawan Mesir. Persaingan dan permusuhan itu semakin menjadi serius apabila Perancis mengalami kekalahan dalam Perang Tujuh Tahun atau Perang Perancis-India pada 1756-1763 yang menyebabkan Perancis kehilangan Kanada dan India kepada British (Goldschmidt 1990: 14). Oleh itu, penaklukan Mesir yang lokasinya berhampiran dengan India diharapkan akan memberi ancaman kepada kedudukan politik dan ekonomi British di India. Dalam masa yang sama, Perancis juga menaruh harapan agar dapat merampas kembali India daripada British (Vatikiotis 1969: 35). Selain itu, mereka turut berhasrat untuk terus

menakluki dunia Timur bagi memantapkan lagi kedudukan Perancis di Levant dan sekaligus menandingi Rusia dan Austria (Shaw 1964: 13).

Keadaan politik di Mesir yang tidak stabil di bawah pentadbiran Bey-bey (bermaksud ketua atau pemimpin) Mamluk yang saling bermusuh antara satu sama lain juga mendorong Perancis untuk menamatkan kekuasaan golongan itu di Mesir. Kedudukan Bey-bey tersebut menjadi kukuh di Mesir pada abad ke-18 ekoran ketidakupayaan 'Uthmaniyah memberi perhatian dengan sebaiknya kepada Mesir berikutan penglibatannya dalam peperangan yang berterusan dengan Austria dan Rusia. Rakyat Mesir pada ketika itu terpaksa berhadapan dengan penindasan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Mamluk seperti Ibrahim Bey dan Murad Bey, di samping mereka juga dibebani dengan cukai yang tinggi. Pada 1793, Duta Perancis di Mesir, iaitu Magallon telah menyampaikan laporan kepada Talleyrand, Menteri Luar Perancis di Paris tentang keadaan politik di Mesir yang semakin teruk berikutan pemusuhan dalam kalangan pemimpin-pemimpin Mamluk dan kegagalan pihak 'Uthmaniyah untuk menanganinya. Magallon berpendapat bahawa melalui tindakan ketenteraan ke atas Mesir, Perancis pasti dapat menjadikan negara tersebut sebagai pangkalan yang strategik untuk perdagangan ('Umar 1975: 92; Silvera 1974: 21).

Selain itu, Ibrahim Bey juga dilaporkan telah bekerjasama dengan British pada 1794 untuk menindas pedagang-pedagang Perancis sehingga menyebabkan mereka melaporkan hal tersebut kepada pemerintah Perancis dan mendesak supaya Perancis menakluki Mesir (Aronian & Mitchell 1991: 79). Pentadbiran yang kucar-kacir dan tekanan yang berlaku telah mendorong Perancis untuk menakluk Mesir dengan alasan ingin melindungi peniaga-peniaga Perancis. Perdagangan Perancis di Mesir sebenarnya telah lama bertapak dan sehingga 1798, terdapat seramai 61 orang pedagang Perancis di Mesir menjalankan perniagaan mereka. Para pedagang tersebut berhasrat untuk mengembalikan Mesir di bawah pentadbiran 'Uthmaniyah sepenuhnya, tetapi dikawal oleh Perancis bagi mendapatkan kepentingan tertentu ('Umar 1975: 92; Silvera 1974: 21).

Di samping itu, penaklukan Mesir juga didorong oleh cita-cita tinggi Napoleon Bonaparte untuk meluaskan empayar Perancis ke Timur seperti yang pernah dilakukan oleh Iskandar Zulkarnain, seorang tokoh Greek pada zaman kegemilangan Yunani. Napoleon, yang sebelum itu telah memenangi beberapa siri peperangan yang melibatkan Perancis telah menentang musuh-musuh di sekitar negaranya setelah mula mengimpikan penubuhan sebuah Empayar Timur sekaligus berharap dapat menyekat hubungan antara British dan India. Selain itu, penguasaan ke atas Mesir juga dapat meneruskan hasrat beliau untuk

meluaskan kekuasaan ke atas Palestin, Iran, Afghanistan dan Pakistan (Goldschmidt 1979: 147).

Perancis juga sebenarnya telah lama memerhatikan kegemilangan dan kemerosotan empayar 'Uthmaniyah sejak tiga kurun yang lalu, iaitu sekitar abad 16 hingga abad ke-18. Kemerosotan empayar 'Uthmaniyah boleh dijadikan sebagai batu loncatan dan peluang yang cerah kepada Perancis untuk menguasai wilayah-wilayah 'Uthmaniyah yang lain, terutamanya Mesir. Tambahan pula, kemaraan Rusia untuk menguasai wilayah-wilayah 'Uthmaniyah di Eropah telah mendorong Perancis untuk menguatkan armada lautnya di sekitar Mediterranean dan meluaskan kekuasaannya di Levant. Mesir dilihat sebagai wilayah yang lebih berharga berbanding wilayah-wilayah lain berikutan kemampuannya memberi keuntungan dan faedah yang banyak kerana potensinya yang tinggi sama ada dari segi politik mahupun ekonomi (Dykstra 1998: 116).

#### FAKTOR EKONOMI

Permusuhan antara Perancis dan British bertambah sengit setelah berlakunya Revolusi Perancis pada 1789 dan munculnya Napoleon Bonaparte yang bercita-cita besar. Penguasaan Tanjung Harapan (Cape of Good Hope) oleh British juga menyebabkan Perancis semakin tertekan kerana perdagangan British di Timur dan India bertambah lancar dan ini akan menjejaskan perdagangan Perancis di Timur (Silvera 1974: 21). Bagi memastikan hubungan British dengan jajahannya di India selamat ketika melalui Timur Tengah, British juga telah menjalinkan hubungan dengan pemimpin Mamluk yang memerintah Mesir pada 1798 dan yang secara langsung berjaya menguasai laluan perdagangan di Laut Merah (Armajani & Ricks 1970: 210).

Kedudukan Mesir yang strategik, iaitu di antara Laut Mediterranean di sebelah utara dan Laut Merah di barat telah menjadikannya negara yang paling dekat untuk menghubungkan Eropah dengan negara-negara Timur. Penguasaan kedua-dua laut tersebut adalah penting untuk menguasai perdagangan antara Timur dan Barat. Oleh itu, sekiranya Perancis dapat menguasai Mesir, maka mereka akan dapat menguasai seluruh perdagangan yang menggunakan kedua-dua laluan tersebut (Bey 1976: 1). Dengan penguasaan Lautan Mediterranean, Perancis dapat mengatasi kekuatan armada British dan mengganggu perdagangannya di Levant, Parsi dan India (Connelly 2006: 97; Dykstra 1998: 116). Kedudukan India yang tidak jauh dari Mesir juga menyebabkan Perancis beranggapan bahawa perdagangan British di India akan terjejas kerana Mesir akan dijadikan sebagai pangkalan untuk memutuskan hubungan komunikasi antara British dengan pusat-pusat perdagangannya di India dan Timur.

Selain itu, pembukaan laluan baru yang lebih pendek dan selamat ke India, iaitu melalui Terusan Suez, seterusnya akan dapat merampas sumber kekayaan British di Timur. Ia juga akan menjamin laluan yang selamat dan eksklusif kepada Perancis di Laut Merah (Silvera 1974: 21). Di samping itu, Mesir didapati mempunyai bahan-bahan mentah yang boleh digunakan bagi keperluan industri dan juga merupakan tempat yang berpotensi untuk memasarkan barang-barang siap keluaran industri Perancis (Marsot 1984: 2; Holt 1966: 156). Selain itu, keupayaan Mesir dalam pengeluaran bijirin boleh dijadikan sebagai pusat utama penghasilan makanan untuk Perancis kerana sejak tahun 1780-an berlaku kemerosotan hasil pertanian dan bijirin di Perancis dan Mesir dilaporkan berupaya membekalkan bijirin kepada mereka (Aronian & Mitchell 1991: 76). Antara faktor penaklukan juga ialah para pedagang Perancis mendakwa pihak penguasa Mamluk telah melanggar Perjanjian Capitulation yang sekian lama termeterai antara 'Uthmaniyah dan Perancis. Perjanjian Capitulation ini ialah perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan 'Uthmaniyah dan kerajaan Perancis di mana pihak Perancis telah diberi beberapa hak keistimewaan yang dikenali sebagai 'Capitulation.' Antara keistimewaan tersebut ialah kebebasan berdagang dan menggunakan jalan laut, pengurangan cukai kastam sehingga lima peratus, pengecualian daripada undang-undang 'Uthmaniyah dan diberi jaminan kebebasan beragama. (Lenczowski 1980: 28). Ini berikutan para pemimpin Mamluk pada abad ke-18 telah mengenakan cukai yang tinggi kepada para pedagang termasuk pedagang Perancis ke Mesir dan mereka yang menggunakan Laut Merah ('Umar 1975: 74-84). Oleh yang demikian, kerajaan Perancis menanamkan hasrat untuk menjatuhkan kekuasaan Mamluk di Mesir dengan harapan agar dapat mengembalikan hak-hak mereka sebagaimana yang terdapat dalam perjanjian tersebut.

#### FAKTOR SOSIAL

Rancangan penaklukan Mesir telah muncul dalam sejarah Perancis sejak pertengahan abad ke-13 lagi, iaitu dalam Sejarah Perang Salib ke-7 ketika Perancis diperintah oleh Raja Louis IX. Percubaan untuk menawan Mesir gagal kerana mereka ditewaskan oleh pemerintah Mamluk. Kesan Perang Salib tersebut masih dirasai oleh Perancis dan ini juga merupakan salah satu faktor mengapa mereka ingin menawan Mesir. Idea penaklukan tersebut timbul sekali lagi pada zaman Raja Louis XIV yang motifnya adalah untuk mengaktifkan kembali jalan perdagangan antara Levant dan India serta mempertahankan kuasa politik Perancis di kawasan tersebut (Girgis 1975: 45; Silvera 1974: 22). Persaingan antara British dan Perancis, perebutan wilayah-wilayah 'Uthmaniyah dalam kalangan kuasa-kuasa Eropah dan minat British untuk menguasai

wilayah-wilayah di Afrika Utara dan Levant telah mengundang hasrat Perancis untuk menguasai Mesir dan sekaligus meleraikan dendam Perancis terhadap kekalahan yang dialami dalam Perang Salib yang lalu.

Selain dikaitkan dengan faktor persaingan dengan British dan cubaan merampas wilayah-wilayah Kerajaan 'Uthmaniyah, motif penaklukan Mesir juga bermatlamat membebaskan Baitul Maqdis daripada kekuasaan umat Islam. Dibayangkan Mesir akan memudahkan jalan untuk menguasai Palestine yang sememangnya penaklukan membolehkan mereka menawan Baitul Maqdis. Penguasaan ke atas Palestine merupakan sebahagian daripada perjanjian Napoleon Bonaparte dengan bangsa Yahudi di Paris ke arah pembentukan negara Israel di situ (Jarrar 1990:19-20). Secara tidak langsung juga, penaklukan Mesir dan Palestine akan meleraikan dendam Perancis terhadap kekalahan yang dialami dalam Perang Salib sebelumnya. Dalam pada itu, penaklukan Mesir turut bertujuan mendalami tamadun yang pernah dicapai oleh Mesir pada suatu ketika dahulu dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sosial. Telah dilaporkan bahawa kedatangan pihak Perancis juga bertujuan untuk mengaut hasil peninggalan khazanah sejarah Mesir yang sememangnya terkenal sejak dahulu lagi.

## KEADAAN MESIR DI AMBANG KEDATANGAN PERANCIS

### KEADAAN POLITIK

Kerajaan 'Uthmaniyah mulai merosot pada abad ke-18 dan ini menyebabkan Mesir juga menerima tempis berikutan ketidakberkesanan pemerintahan Pasha yang dilantik di Mesir. Pihak 'Uthmaniyah yang berpusat di Istanbul tidak dapat memberi perhatian kepada pentadbiran di Mesir ketika itu kerana penglibatannya dalam peperangan yang berterusan dengan Rusia dan Austria. Bey-bey Mamluk adalah kumpulan yang paling berpengaruh di Mesir menjelang abad ke-18 Masihi dan mempunyai kawasan pemerintahan masing-masing. Golongan tersebut saling bermusuhan antara satu sama lain dan mementingkan diri sendiri yang akhirnya menyebabkan kebajikan rakyat terabai dan penindasan berlaku secara berleluasa (El-Shayyal 1968: 117).

Antara Mamluk yang mengambil kesempatan ialah 'Ali Bey al-Kabir yang dipilih menjadi *Shaykh al-Balad* (Datuk Bandar Kaherah) dari tahun 1760 hingga 1773. Pada zaman pemerintahannya, hubungan Mesir dengan Istanbul agak renggang kerana pihak 'Uthmaniyah sibuk dengan peperangan. 'Ali Bey al-Kabir kemudiannya mengisytiharkan kemerdekaan Mesir dan enggan membayar ufti tahunan kepada Istanbul pada tahun

1769. Beliau juga mengusir Gabenor 'Uthmaniyah di Mesir, mencetak mata wang sendiri dan menyerang Arabia. Selain itu, beliau turut menghantar panglimanya, Muhammad Abu Dhahab untuk menawan Syria. Walau bagaimanapun, apabila Muhammad Abu Dhahab dapat menguasai Damsyik, beliau berpaling tadah dan kemudian menyerang 'Ali Bey al-Kabir. Beliau berjaya menatuhkan 'Ali Bey pada tahun 1773 dan mengembalikan Mesir di bawah pemerintahan 'Uthmaniyah. Selepas kematian Muhammad Abu Dhahab pada 1775, perebutan kuasa berlaku di antara Murad Bey (Emir al-Hajj) dan Ibrahim Bey (Shaykh al-Balad) dengan Isma'il Bey. Akhirnya, Murad Bey dan Ibrahim Bey berjaya menguasai Mesir dengan menyingkirkan Isma'il Bey (Holt 1968: 89; Vatikotis 1969:34).

Semasa pemerintahan Murad Bey dan Ibrahim Bey, rakyat Mesir mengalami keperitan hidup berikutan kadar cukai yang tinggi dan beberapa tekanan lain yang dilakukan terhadap penduduk tempatan. Kedua-dua pemimpin itu juga enggan membayar cukai kepada 'Uthmaniyah dan apabila perkara tersebut sampai ke pengetahuan Sultan 'Abd al-Hamid, baginda bertindak menghantar ekspedisi tentera ke Mesir yang diketuai Hasan Pasha untuk menangani masalah tersebut pada 1785. Kedatangan ekspedisi tersebut telah disambut baik oleh penduduk Mesir dan akibatnya Murad Bey dan Ibrahim Bey terpaksa melarikan diri ke selatan Mesir. Walau bagaimanapun, tentera 'Uthmaniyah terpaksa meninggalkan Mesir pada tahun 1786 sebelum dapat menangkap mereka berdua kerana terpaksa berhadapan dengan peperangan dengan Rusia. Dengan pengunduran tersebut, Murad dan Ibrahim Bey telah kembali semula ke Kaherah dan memerintah Mesir sehinggalah kedatangan Napoleon Bonaparte pada 1798 (Shaw 1964:12).

Dalam sistem pentadbiran, ulama merupakan golongan yang memainkan peranan besar kerana ilmu dan pengaruh mereka digunakan oleh para pemerintah untuk menguatkan pentadbiran Mesir (Marsot 1968: 268). Kepimpinan mereka seringkali mempengaruhi pemerintah walaupun tugas hakiki mereka adalah sebagai individu yang memberikan bimbingan agama, mempertahankan kesucian syariah dan ajaran Islam serta mentafsir al-Quran. Golongan ulama dilaporkan tidak berlumba-lumba untuk menjadi pemerintah, tetapi hanya bertindak sebagai pengantara di antara rakyat dan pemerintah. Masyarakat Mesir dilihat sebagai lebih dekat dengan ulama berbanding pemerintah ketika itu. Mereka berusaha memastikan pemerintahan negara berjalan lancar di samping memberikan pandangan yang membina kepada pihak pemerintah serta menentang kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku. Sebagai contoh, atas desakan dan bangkangan para ulama seperti Shaykh al-Sadat, al-Sharqawi dan al-Bakri, maka pemerintah Mamluk terpaksa memansuhkan kenaikan cukai yang

dicadangkan kepada penduduk Bilbays ketika berlaku krisis Iltizam (cukai) pada tahun 1795 (El-Shayyal 1968: 122-124).

#### KEADAAN EKONOMI

Pada abad ke-17, Mesir mengalami ketidakstabilan politik yang seterusnya mengundang kemerosotan ekonomi dan menjelang abad ke-18 Masihi jumlah ufti yang dihantar ke Istanbul mula berkurangan meskipun dalam masa yang sama kadar cukai yang dikenakan oleh pemerintah Mamluk yang juga adalah 'Multazim' (pengutip cukai) terhadap rakyat adalah tinggi. Di samping itu, mereka juga mewujudkan cukai-cukai tambahan yang membebankan para petani yang telah pun dibelenggu kemiskinan. Hasilnya, muncullah para 'Multazim' yang kaya raya kerana mereka menghantar hanya sejumlah kecil sahaja hasil cukai kepada Istanbul, manakala selebihnya digunakan untuk kepentingan mereka sendiri (Vatikiotis 1969: 31). Para penguasa Mamluk juga terlibat dalam kegiatan memonopoli sumber ekonomi seperti mengawal beberapa jenis keluaran terutamanya bijirin. Aktiviti seperti ini telah mengundang persaingan dalam kalangan Bey-bey Mamluk yang lain dan mengakibatkan harta hanya terkumpul pada orang tertentu sahaja. Ekonomi Mesir semakin lemah berikutan kemerosotan keluaran pertanian, industri serta komoditi perdagangan dan dalam masa yang sama berlaku pemerasan kutipan cukai di samping kegiatan memonopoli produk komersial dalam urusan tukaran dagangan asing (Gibb & Bowen 1969: 67).

Mesir telah mengalami krisis ekonomi yang agak serius menjelang 1780 kerana kelembapan ekonomi luar negara dan ditambah pula dengan masalah dalaman di mana sistem pentadbiran pada ketika itu tidak mampu mengatasi kemelut tersebut (Vatikiotis 1969: 31). Pada 1782, nilai 'Para' (matawang perak yang digunakan di Mesir ketika itu) telah menjunam sebanyak 54 peratus dalam pasaran matawang dan ini menyebabkan inflasi yang tinggi dan mengakibatkan harga barangan melambung naik. Harga bijirin telah meningkat daripada 92 'Para' pada 1741-1750 kepada 715 'Para' pada 1784 dan terus meningkat kepada 745 'Para' pada 1792. Keadaan menjadi lebih rumit apabila bekalan makanan semakin berkurangan akibat banjir besar yang melanda lembah Nil pada 1784 dan wabak taun yang melanda pada 1785 dan 1791 yang telah mengorbankan sejumlah besar penduduk negara tersebut (Marsot 1984:15; Crecelius 1998: 85-86).

Cukai yang tinggi juga mengakibatkan barangan keluaran Mesir menjadi tidak kompetitif di pasaran antarabangsa apatah lagi perdagangan Mesir banyak bergantung kepada perdagangan dengan Eropah. Permintaan terhadap kopi keluaran Mesir dan tekstil mulai berkurangan di pasaran dunia dan ini menyebabkan pendapatan golongan pedagang serta peniaga terjejas.

Mesir pada abad ke-18, hanya berperanan sebagai pembekal bahan mentah yang diperlukan oleh kilang-kilang di Eropah dan pertukaran bahan pengeluaran dengan Eropah tersebut sedikit sebanyak menyelamatkan ekonomi Mesir. Perdagangan Mesir dengan Sudan adalah satu-satunya perdagangan antarabangsa yang masih dapat bertahan kerana dikawal oleh peribumi Mesir sendiri (Aronian & Mitchell 1991:69).

#### KEADAAN SOSIAL

Abad ke-18 menyaksikan berlaku kemerosotan intelektual di Mesir yang disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah persaingan Istanbul sebagai pusat peradaban Islam yang juga merupakan tempat bersemayam Sultan 'Uthmaniyah, telah sedikit sebanyak menenggelamkan peranan Kaherah (Gibb & Bowen 1969:163; El-Shayyal 1968:117). Adalah dilaporkan bahawa sistem pengajian di Mesir pada abad tersebut masih terikat dengan sistem tradisional, di mana seseorang penuntut ilmu perlu mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang jauh untuk mendapatkan sesuatu ilmu. Bidang pengajian di institusi masjid dan sekolah-sekolah agama juga masih sempit dengan penekanan hanya diberi kepada ilmu bahasa Arab (termasuk prosa dan syair), teologi, ilmu logik dan matematik. Di samping itu, para guru atau ulama tidak lagi seperti zaman sebelumnya yang prolific menghasilkan penulisan yang asli. Pada zaman ini, mereka hanya menulis berdasarkan penulisan ulama yang dihasilkan sebelumnya dengan memberikan ulasan dan tafsiran terhadap tulisan tersebut sehingga dikatakan tiada pengetahuan baru yang disumbangkan kepada masyarakat (El-Shayyal 1968: 118).

Selain aspek intelektual, aspek-aspek seperti sains dan teknologi, perubatan, kemahiran dan pemikiran turut mengalami kemerosotan menjelang abad terakhir pemerintahan 'Uthmaniyah di Mesir. Dilaporkan bahawa pada abad tersebut, Mesir amat kekurangan pakar perubatan sehingga seorang pakar bedah juga terpaksa menjadi pengamal perubatan. Di Kaherah pada ketika itu hanya terdapat tiga orang ahli farmasi yang dua daripadanya adalah berbangsa Venice dan Greek. Dalam aspek kemahiran pula, dilaporkan bahawa seorang pengembara Perancis bernama Pulniah yang melawat Mesir pada akhir abad ke-18 menggambarkan kejahilan di Mesir agak meluas meliputi bidang sastera, sains, kesenian dan perusahaan tangan dan jarang sekali didapati orang yang dapat membaiki jam di kota Kaherah melainkan ia adalah orang Eropah (Amin 1980:131-132; El-Shayyal 1968: 119). Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga para ulama yang pakar dalam pelbagai bidang pada abad ke-18, tetapi jumlahnya tidak ramai. Antaranya ialah Shaykh Hasan al-Jabarti (ahli matematik dan astronomi), Shaykh Muhammad al-Shubrawi, Shaykh Hasan al-'Attar dan Shaykh Isma'il al-Khashshab (ahli

sastera), Sayyid Muhammad Murtada al-Zabidi (ahli bahasa dan teologi) dan Shaykh ‘Abd al-Rahman al-Jabarti (ahli sejarah) (El-Shayyal 1968:129).

Selain itu, masyarakat Mesir juga sebilangannya adalah ahli-ahli sufi yang telah mengasaskan dan mengamalkan tarikat-tarikat sufi. Walau bagaimanapun, terdapat juga tarikat yang menyeleweng dan mempercayai perkara-perkara khurafat yang seterusnya membawa kepada kemunduran akal sehingga ada dalam kalangan mereka yang menolak pembaharuan dan kemajuan (El-Shayyal 1968: 119). Dari segi tahap kehidupan penduduk, secara keseluruhannya, majoriti anggota masyarakat Mesir masih berada di paras kemiskinan kerana ramai yang tinggal di kampung dan hanya terlibat dalam aktiviti pertanian. Golongan petani pula sentiasa ditindas serta dibebani pelbagai cukai yang tinggi oleh golongan ‘Multazim’ dan ini menyebabkan kehidupan mereka bertambah sempit.

#### KESAN PENDUDUKAN PERANCIS KE ATAS MESIR

Penguasaan Perancis ke atas Mesir hanyalah berlangsung selama lebih kurang tiga tahun sahaja, namun sejauh mana pembaharuan dan kesan positif pendudukan tersebut dari aspek politik, ekonomi dan sosial? Inilah isu-isu yang menarik untuk dianalisis bagi melihat sejauh mana kebenaran dakwaan orientalis itu.

#### KESAN TERHADAP POLITIK MESIR

Berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder, berikut adalah beberapa kesan pendudukan Perancis ke atas Mesir.

#### PERUBAHAN DALAM SISTEM PENTADBIRAN

Pendudukan Perancis di Mesir dilaporkan telah menyebabkan beberapa perubahan berlaku dalam sistem pentadbiran, antaranya ialah pembentukan ‘Diwan’, penglibatan ulama dalam pentadbiran, perlantikan Kadi Besar di kalangan ulama tempatan dan perubahan dalam undang-undang.

##### 1. Pembentukan ‘Diwan’

Kejayaan Napoleon menakluki Kaherah menyebabkan Gabenor Mesir, iaitu Bakr Pasha dan pimpinan Mamluk seperti Ibrahim Bey serta pegawai-pegawai ‘Uthmaniyah yang lain termasuk Kadi Besar yang dilantik oleh Sultan Uthmaniyah melarikan diri menuju ke Syria. Sementara Murad Bey yang juga salah seorang pemimpin Mamluk bersama para pengikutnya pula melarikan diri menuju ke selatan Mesir. Oleh itu, yang tinggal di Mesir hanyalah golongan lemah dan mereka yang tidak mahu melarikan

diri, antaranya ialah sebilangan ketua penduduk tempatan, pedagang-pedagang luar dan para petani. Mereka telah menyerah diri tanpa melakukan tentangan terhadap Perancis kerana menyedari kemampuan mereka yang terbatas jika dibandingkan dengan kekuatan Perancis (Girgis 1975: 86). Sebagai langkah awal untuk menguasai Mesir sepenuhnya dan mendapatkan sokongan daripada penduduk, Napoleon telah mengadakan rundingan dengan ulama al-Azhar. Rundingan tersebut mencapai persetujuan dengan penubuhan sebuah majlis yang dinamakan ‘Diwan’ dengan anggotanya terdiri daripada golongan ulama yang digelar ‘Shaykh’.

*Diwan* yang dinamakan oleh Perancis sebagai ‘Diwan Kaherah’ telah ditubuhkan pada 25 Julai 1798. ‘Diwan Kaherah’ ini merupakan sebuah majlis perwakilan yang dianggotai oleh sepuluh orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada golongan ulama. Shaykh ‘Abd Allah al-Sharqawi yang merupakan rektor al-Azhar ketika itu dipilih untuk mengetuai ‘Diwan’ tersebut. Ahli-ahli lain ialah Khalil al-Bakri, Mustafa al-Shawi, Sulayman al-Fayyumi, Muhammad al-Mahdi, Musa al-Sarsi, Mustafa al-Damanhuri, Ahmad al-‘Arishi, Yusuf al-Shubrakhiti dan al-Dawakhili (‘Umar 1975:142; Moosa 1966:111). Tanggungjawab utama *Diwan* ini ialah mentadbir bandar Kaherah dengan beberapa portfolio seperti mengawasi pasar, mentadbir pasukan polis dan mengawal selia kawasan pinggir bandar. Pada 27 Julai 1798, Napoleon menubuhkan sebuah lagi ‘Diwan’ bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran Perancis iaitu ‘Diwan al-Aqalim’ atau ‘Diwan Wilayah’ (Provincial Council). ‘Diwan Wilayah’ ini pula dianggotai tujuh orang wakil dari setiap daerah dan tanggungjawabnya ialah mentadbir wilayah masing-masing di samping memudahkan tugas gabenor. Seorang ‘Agha’ telah ditempatkan di setiap wilayah bersama-sama 60 orang tentera dan seorang penyelia yang tugasnya meninjau keadaan tanah dan menetapkan kadar cukai.

Pada 5 Oktober 1798, sebuah perhimpunan yang menggabungkan wakil-wakil dari setiap wilayah telah diadakan di Kaherah buat pertama kalinya dengan tujuan menyelaraskan sistem pentadbiran yang terdapat di wilayah-wilayah dengan pentadbiran pusat di Kaherah (Girgis 1975: 87). Selain itu, perhimpunan tersebut adalah untuk membiasakan pemimpin-pemimpin Mesir dengan proses perjalanan majlis penasihat dan pemilihan perwakilan dalam kerajaan di samping menilai reaksi masyarakat Mesir, terutama para pemimpin yang dilantik, terhadap sistem pentadbiran yang diperkenalkan. Hasil daripada perhimpunan tersebut, maka tertubuhlah ‘Diwan al-‘Am’ (General Council) yang diwakili tiga orang ulama, tiga orang ahli perniagaan dan tiga orang wakil penduduk bagi setiap wilayah (Hanna 1970:241; Girgis 1975:87). Umumnya, ‘Diwan al-‘Am’ berperanan sebagai badan penasihat untuk memberi pandangan dalam membantu

Napoleon untuk melaksanakan urusan-urusan penting dalam pentadbiran (Hanna 1970:242).

Apabila dikaji semula tentang 'Diwan-diwan' ini didapati bahawa sebenarnya sistem 'Diwan' telah lama diperkenalkan, iaitu sejak pemerintahan 'Uthmaniyah' lagi, cuma terdapat perbezaan dari segi keanggotaan dan kaedah perjalanannya. Keanggotaan 'Diwan' pada zaman 'Uthmaniyah-Mamluk' adalah terdiri daripada Pasha yang dilantik oleh Sultan 'Uthmaniyah' di samping pegawai-pegawai 'Uthmaniyah' dan pemimpin-pemimpin Mamluk yang mempunyai kuasa di Mesir. Agenda utama di sebalik penubuhan 'Diwan Kaherah' ialah Napoleon cuba menggunakan pengaruh ulama untuk mengukuhkan kedudukannya kerana golongan tersebut merupakan kumpulan yang paling berpengaruh, berpengetahuan dan dihormati oleh masyarakat Mesir (Ahmad 1960:2; Girgis 1975: 86). 'Diwan' ini juga sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kuasa kerana segala keputusan mutlak berada di tangan pihak Perancis. Perkara ini terbukti apabila Perancis menempatkan tiga orang pegawainya dalam 'Diwan' tersebut, iaitu Monsieur Poussilique sebagai penasihat kewangan, Monsieur Sucy sebagai pengarah perjawatan dan Barthelmy al-Rumi sebagai wakil kepada 'Agha' (komander tentera). 'Diwan' ini menjalankan persidangannya di Azbakiyah dan merupakan tidak lebih daripada sebuah badan yang sentiasa 'diawasi' oleh Perancis. (Girgis 1975:86-87). Ini termasuklah 'Diwan al-Aqalim' yang tidak boleh membuat sebarang keputusan tanpa kehadiran pegawai Perancis (Girgis 1975:87).

Manakala bagi 'Diwan al-'Am' pula, Napoleon telah menjadikannya sebagai platform untuk menggubal undang-undang yang bersesuaian dengan hasratnya di samping merangka pembaharuan sistem pemilikan tanah dan sistem pungutan cukai agar lebih berkesan (Vatikiotis 1969:38-39). Al-Jabarti sendiri melaporkan bahawa tujuan penubuhan 'Diwan al-'Am' adalah untuk membincangkan beberapa perkara utama seperti pemilikan tanah dan undang-undang pusaka serta sistem percukaian ('Umar 1975:144; Vatikiotis 1969:39). Dengan ini, dapat dilihat bahawa penubuhan 'Diwan-diwan' tersebut adalah lebih kepada cubaan untuk memperkenalkan sistem birokrasi yang pernah dipraktikkan oleh Perancis di negara mereka berbanding dengan hasrat untuk memperkenalkan idea demokrasi dan parlimen kepada masyarakat Mesir (Moreh 1993:183).

## 2. Penglibatan Ulama dalam Pentadbiran

Sebelum kedatangan Perancis, adalah dilaporkan bahawa ulama al-Azhar telah mencecah angka seratus orang, tetapi semasa ketibaan kuasa tersebut bilangan mereka hanya tinggal sekitar 40 hingga 50 orang sahaja. Jumlah tersebut semakin berkurangan kerana ulama tersebut telah melarikan diri meninggalkan Kaherah ketika pihak Perancis

mula menghampiri kota itu dan ada juga yang keluar semasa penaklukan berlangsung. Selain itu, terdapat juga beberapa ulama yang dibunuh ketika penguasaan Perancis di sana (Heyworth-Dunne 1968: 28-29). Napoleon telah sedia maklum bahawa rakyat Mesir mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap ulama kerana golongan ini sentiasa disanjung, dihormati dan sentiasa menjadi rujukan dalam masyarakat. Oleh itu, untuk mendapatkan sokongan bagi mengukuhkan pentadbiran dan mengelakkan sebarang penentangan rakyat tempatan serta berharap agar mereka dapat menerima kehadiran Perancis, Napoleon telah mempergunakan golongan tersebut dengan menawarkan mereka kedudukan melalui penubuhan beberapa buah *Diwan* seperti yang telah dinyatakan.

Contoh yang paling jelas ialah 'Diwan Kaherah' di mana kesemua ahlinya iaitu seramai 10 orang adalah daripada kalangan ulama, di samping 'Diwan Wilayah' dan 'Diwan al-'Am' juga dilaporkan satu pertiga daripada anggotanya adalah ulama. Tidak sekadar itu sahaja, pihak Perancis turut memberi ganjaran material kepada ulama yang memberi 'kerjasama baik' untuk mengelakkan daripada sebarang bantahan atau penentangan. Sebagai contoh, seorang ahli *Diwan* akan dibayar sebanyak 14,000 *Para* sebulan dan 400 'Para' setiap kali mesyuarat. Selain itu, mereka juga diberikan sedikit kebebasan untuk memiliki tanah sendiri (Crecelius 1967: 89). Ternyata di sini bahawa pihak Perancis mempunyai matlamat tertentu apabila memberi ruang kepada ulama untuk terlibat dalam pentadbiran, iaitu menarik sokongan rakyat, namun realitinya ulama tersebut tidak mempunyai apa-apa kuasa atau suara.

## 3. Pelantikan Kadi Besar dalam Kalangan Ulama Tempatan

Untuk tujuan yang sama, Napoleon juga menawarkan jawatan Kadi Besar kepada golongan ulama Mesir ekoran kekosongan jawatan tersebut berikutan Kadi Besar yang sebelum itu telah melarikan diri ke Syria. Pelantikan Ketua Kadi daripada kalangan penduduk tempatan adalah bertentangan dengan tradisi umat Islam di Mesir. Sebelum itu Ketua Kadi dilantik oleh Sultan 'Uthmaniyah' yang terdiri daripada orang Turki. Pada mulanya mereka enggan menyetujuinya kerana bagi mereka tindakan itu melanggar kuasa sultan dan boleh dianggap tidak sah kerana hanya wakil-wakil yang dilantik oleh sultan yang berhak dan berkuasa menegakkan keadilan di mahkamah. Walau bagaimanapun, Napoleon berjaya memujuk ulama Mesir supaya memersetujui tindakannya dan menyatakan bahawa penjawat baru jawatan tersebut kononnya berhak mendapat pengiktirafan seperti penjawat sebelumnya (Girgis 1975: 88 ; Crecelius 1967: 90). Akhirnya ulama dan anggota 'Diwan' terpaksa bersetuju dengan keputusan Napoleon untuk melantik Shaykh al-'Arishi sebagai Kadi

Besar dan beliaulah merupakan ulama tempatan pertama yang berjaya memegang jawatan tersebut. Sesuatu yang dapat difahami dalam hal ini ialah ulama Mesir tidak mempunyai apa-apa pilihan melainkan terpaksa akur dengan kehendak Napoleon meskipun bertentangan dengan amalan yang telah mereka praktikkan sejak beberapa ratus tahun dahulu.

#### 4. Pembaharuan Undang-undang

Dalam soal undang-undang dan keadilan pula, dilaporkan bahawa hakim bagi setiap wilayah telah dilantik oleh 'Diwan Wilayah' dan akan bertanggungjawab terhadap kes yang berlaku di wilayahnya. Dalam pada itu, Mahkamah Perdagangan juga ditubuhkan di mana para panelnya terdiri daripada pedagang yang tempoh perkhidmatan mereka bagi satu-satu masa adalah selama tiga tahun. Ahli-ahlinya terdiri daripada 12 individu, iaitu 6 orang berbangsa Qibti (penduduk asal Mesir beragama Kristian) dan 6 orang ahli peniagaan (Girgis 1975: 88). Di samping itu, dalam aspek keselamatan, Napoleon telah membentuk pasukan polis yang terdiri daripada tentera Janissari yang merupakan gabungan beberapa bangsa seperti Turki, Greek dan Moor (berketurunan Arab dan Barbar). Seorang pengembara Greek-Kristian bernama Bartholomew telah dilantik sebagai Leftenan oleh Napoleon untuk mengetuai pasukan tersebut (Herold 1963: 144).

Dalam soal undang-undang pemilikan harta, bermula pada September 1798, pentadbiran Perancis telah meletakkan syarat bahawa pemilik harta perlu melengkapkan surat pendaftaran pemilikan kepada kerajaan dalam masa sebulan bagi penduduk di Kaherah dan dua bulan bagi kawasan-kawasan lain. Orang ramai yang didapati gagal berbuat demikian, akan menanggung risiko hartanya dirampas (Dykstra 1998: 124). Selain itu, Perancis juga memperkenalkan cukai ke atas perwarisan dan kematian di mana tuntutan perwarisan mesti dibuktikan dalam masa 24 jam selepas kematian dan jika gagal, harta tersebut akan menjadi milik negara. Ringkasnya, kesemua harta perlu didaftarkan dan dibayar cukai termasuk rumah-rumah kediaman yang hendak dimiliki. Di sini dapat dilihat bahawa perubahan dan pembaharuan undang-undang yang dilaksanakan oleh Perancis adalah bertujuan untuk menjaga maslahat dan kepentingan mereka di Mesir.

#### PENENTANGAN DAN PEMBERONTAKAN RAKYAT TERHADAP PERANCIS

Kesan negatif yang paling jelas terhadap kemasukan Perancis di Mesir ialah kebangkitan rakyat dalam satu pemberontakan yang dikenali sebagai 'Pemberontakan Kaherah' yang meletus pada 21 Oktober 1798M. Peristiwa tersebut berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah ketidakpuasan hati rakyat terhadap kadar cukai yang

dikenakan dan beberapa peraturan yang membebankan. Ia disemarakkan lagi dengan pengisytiharan 'Perang Jihad' ke atas Perancis oleh Sultan Salim III yang disampaikan melalui Ahmad Pasha al-Jazzar, Gabenor Syria pada 11 September 1798. Para pemberontak telah menjadikan al-Azhar sebagai markaz gerakan dan penentangan diketuai oleh Shaykh Muhammad al-Sadat, iaitu salah seorang ulama yang berpengaruh ketika itu. Napoleon telah mengarahkan pengeboman ke atas persekitaran al-Azhar setelah perintahnya agar menyerah tidak dihiraukan para pemberontak. Akibatnya banyak bangunan yang musnah dan keadaan menjadi huru-hara sehingga menyebabkan sebilangan penduduk sekitar Kaherah terbunuh. Walau bagaimanapun, mereka yang berada di dalam al-Azhar enggan berbuat demikian sehinggalah Napoleon mengarahkan bom disasarkan di halaman al-Azhar (al-Jabarti 1975: 72-74).

#### PEREBUTAN KUASA DI MESIR SELEPAS PENGUNDURAN PERANCIS

Pengunduran Perancis pada 1801 juga menjadikan Mesir dalam keadaan 'vakum' tanpa ada seorang pemimpin yang benar-benar berkuasa. Institusi yang dinamakan 'Diwan' dengan sendirinya terubur sejeurus selepas pengunduran Perancis dari Mesir dan ini menyebabkan negara itu tidak mempunyai pemerintah yang sah. Pemimpin tradisi di Mesir pula terdiri daripada kalangan ulama dan ketua gerakan sufi, namun mereka tidak biasa melibatkan diri dalam pentadbiran negara dan politik. Pasukan tentera Turki-'Uthmaniyah sendiri telah terbahagi kepada puak-puak yang berkekrisis sesama sendiri, khususnya antara tentera Turki dan Albania. Pihak 'Uthmaniyah tidak mahu melihat kebangkitan semula kuasa Mamluk dan bercadang untuk mengembalikan semula negara tersebut di bawah kekuasaannya dengan menempatkan gabenor seperti sebelumnya.

Pihak British yang telah membantu mengusir Perancis pula terpaksa berundur selaras dengan tuntutan dalam Perjanjian Amiens (Holt 1966: 162). Walau bagaimanapun, pengunduran kuasa tersebut telah menimbulkan masalah perebutan kuasa yang serius antara pihak 'Uthmaniyah dan golongan Mamluk. Pihak 'Uthmaniyah telah melantik Khusraw Pasha sebagai gabenor di Mesir. Walau bagaimanapun, golongan Mamluk di Mesir cuba merebut kuasa walaupun mereka sendiri telah terbahagi kepada dua kumpulan iaitu di bawah Alfi Bey dan di bawah Ibrahim Bey yang kemudian diganti oleh 'Uthman Bey al-Bardisi. Tempoh antara 1802 hingga 1803 merupakan jangka masa yang paling buruk dalam perkembangan politik Mesir. Pemerintahan Khusraw Pasha, gabenor yang dilantik oleh 'Uthmaniyah amat lemah dan tidak disenangi rakyat dan akhirnya beliau digulingkan lalu diganti dengan Tahir

Pasha. Pemerintahan Tahir juga tidak lama kerana selepas tiga minggu pelantikannya beliau telah dibunuh. Jawatan gabenor kemudiannya diisi pula oleh Khurshid Pasha dan beliau juga didapati lemah serta tidak disenangi rakyat.

Berikutan rasa tidak puas hati golongan ulama, pedagang, tentera dan penduduk tempatan, maka pada 12 Mei 1805 berlaku kebangkitan rakyat yang dipimpin ulama sehingga membawa kepada penggulingan Khurshid Pasha. Lanjutan dari peristiwa penggulingan tersebut, maka pada bulan Mei 1805, pihak 'Uthmaniyah di Istanbul mengeluarkan pengisytiharan mengesahkan perlantikan Muhammad 'Ali sebagai Gabenor Mesir yang baru. Beliau sebelum itu merupakan salah seorang tentera Albania yang terlibat dalam gerakan tentera 'Uthmaniyah mengusir Perancis dari Mesir (Faruki 1971: 114-115). Kepimpinan Muhammad 'Ali dilaporkan kukuh dengan sokongan padu golongan ulama, peniaga dan rakyat awam. Malahan kedudukannya sebagai orang yang paling berkuasa di Mesir tidak tergugat apabila pemimpin utama golongan Mamluk iaitu 'Uthman Bey al-Bardisi meninggal dunia pada 1 Oktober 1806 dan kemudian diikuti pula dengan kematian Alfi Bey tiga bulan kemudiannya. Muhammad 'Ali telah muncul sebagai pemimpin tunggal yang paling berkuasa dan pelantikannya menandakan permulaan reformasi Mesir sebagai negara moden (Goldschmidt 1990: 16).

#### KEMEROSOTAN KEKUASAAN MAMLUK

Antara kesan lain akibat pendudukan Perancis terhadap politik Mesir ialah kemerosotan teruk kekuasaan Mamluk yang sekaligus membawa perubahan dalam pucuk pimpinan di Mesir selepas itu. Sesungguhnya jasa Mamluk terhadap masyarakat dan dunia Islam begitu besar sejak mereka menguasai Mesir pada 1250 seperti menghidupkan semula institusi 'Khilafah' setelah kejatuhan kerajaan 'Abbasiyah, mengimbangi kekuasaan Mongol di Asia Barat dan mengusir semua tentera Salib dari Sham serta membebaskan Baitul Maqdis daripada tentera Eropah. Sejarah Mamluk terus terukir di Mesir walaupun mereka berada di bawah naungan 'Uthmaniyah sejak tahun 1517. Namun, kedatangan Perancis yang singkat itu telah melemahkan kedudukan dan kekuatan mereka kerana pada peringkat awal lagi mereka telah pun tertewas di tangan tentera Perancis yang dilengkapi senjata api dan strategi peperangan. Keagungan kerajaan Mamluk di Mesir yang sememangnya pernah mewarnai lipatan sejarah kegemilangan umat Islam pada suatu ketika dahulu akhirnya tamat apabila mereka 'dilenyapkan' beberapa tahun selepas pengunduran Perancis (Richmond 1977: 40; Collin & Tignor 1967: 51).

#### MENARIK MINAT KUASA ASING TERHADAP MESIR

Penaklukan Perancis juga membuatkan kuasa asing seperti British membuka mata dan menilai sendiri potensi ekonomi dan kekayaan bumi Mesir. Justeru, British telah mengambil peluang untuk berbaik-baik dengan pihak 'Uthmaniyah bagi mengusir Perancis dari bumi tersebut dan juga bertindak menghantar bantuan tentera ke situ bagi membantu 'Uthmaniyah merebut kembali haknya. Setelah berjaya mengusir Perancis dari bumi Mesir, tentera British terpaksa berundur dari bumi Mesir pada 1802 melalui Perjanjian Amein yang telah dipersetujui. Walaupun terpaksa berundur, namun, mereka sebenarnya sentiasa mengintai dan menunggu peluang untuk menakluki Mesir pada masa seterusnya dan ini terbukti dengan cubaan untuk menguasainya pada 1807 melalui hubungan yang dijalinan antara British dengan Alfi Bey sekitar tahun 1806. Hasil perhubungan tersebut, pihak British sanggup membantu Alfi Bey untuk menguasai Mesir dengan syarat selepas beliau berjaya, pihak British perlu diberi peluang menguasai pantai-pantai negara Mesir. British telah mengambil peluang untuk menguasai Mesir dengan hubungan tersebut. Walaupun mengetahui Alfi Bey telah meninggal dunia pada Januari 1807, namun mereka tetap juga meneruskan hasrat tersebut.

Tentera British seramai 2,000 orang tiba di Rosetta pada Mac 1807 dan berhasrat menjadikannya sebagai pusat gerakan mereka. Penduduk bandar tersebut dan gabenornya, 'Ali Bey telah berusaha mempertahankan bandar Rosetta daripada jatuh ke tangan British dan akibatnya ramai penduduk tempatan dan tentera British sendiri telah terkorban dalam pertempuran tersebut (Bey 1976: 25). Penentangan terhadap British telah diperhebatkan lagi apabila Naqib al-Ashraf al-Sayyid 'Umar Makram menyalakan semangat rakyat Mesir dan pelajar-pelajar al-Azhar. Serangan yang dilakukan melalui dua kumpulan tentera iaitu satu kumpulan menguasai Sungai Nil dan satu lagi menyerang al-Hammad (selatan Rosetta) akhirnya menyebabkan tentera British menyerah kalah pada 21 April 1807 dan meninggalkan Iskandariah pada September 1807. Walaupun cubaan British untuk menguasai Mesir menemui kegagalan pada 1807, namun akhirnya pada 1882, mereka berjaya juga menawan bumi tersebut dan menguasainya sehingga 1922.

#### KESAN TERHADAP EKONOMI MESIR

Analisis juga mendapati bahawa pendudukan Perancis ke atas Mesir turut memberi banyak kesan negatif terhadap ekonomi negara tersebut seperti berikut:

#### KEMEROSOTAN SEKTOR PERDAGANGAN DAN RAMPASAN HARTA BENDA

Perancis telah mengalami kerugian besar apabila British berjaya memusnahkan armada mereka di Abu Qir pada 1 Ogos 1798 dan ini menyebabkan Perancis menghadapi masalah kewangan yang meruncing dan terputus hubungan dengan negara asal mereka (Connelly 2006: 99-101). Oleh itu, bagi mendapatkan sumber kewangan untuk menampung kos ketenteraan dan survival mereka di Mesir, pihak penguasa Perancis telah mengenakan levi yang tinggi kepada para pedagang yang berniaga di Mesir (Dykstra 1998: 123; Richmond 1977: 20). Kesannya para pedagang mengalami kesulitan dan kesukaran terutama mereka yang terlibat dalam perdagangan berbentuk transit atau pertukaran komoditi antara Mediterranean dan Laut Merah (Dykstra 1998: 135). Daripada tindakan tersebut, adalah dilaporkan bahawa pihak Perancis telah memperolehi sejumlah 300,000 Franc daripada pedagang-pedagang di Iskandariah dan beberapa pedagang lain di sekitar Kaherah dalam jangka masa yang singkat. Ini telah memberi kesan yang amat negatif terhadap sektor perdagangan di Mesir pada ketika itu.

Bagi perdagangan yang menggunakan jalan darat pula, Perancis bersetuju memberi perlindungan kepada perdagangan musim haji yang saban tahun berulang-alik merentasi Semenanjung Sinai menuju ke Tanah Suci Mekah. Ini sebenarnya tidak lebih daripada usaha untuk menunjukkan sokongan mereka terhadap agama Islam dan meraih simpati daripada penduduk Mesir. Meskipun kedatangan Perancis dilaporkan telah memberi ruang kepada sebilangan penduduk tempatan untuk terlibat dalam bidang perniagaan dengan penjualan produk dan perkhidmatan mereka kepada para tentera Perancis, namun ia tidaklah begitu menguntungkan kerana jika dihitungkan, mereka lebih menghadapi tekanan cukai yang tinggi serta perampasan dan kemusnahan harta benda yang dilakukan oleh Perancis. Jelasnya, pihak penjajah di Mesir tidak berupaya melaksanakan perubahan ekonomi yang menguntungkan negara tersebut yang sememangnya telah mengalami krisis ekonomi sejak dua dekad pada penghujung abad ke-18 (Dykstra 1998: 135).

Pihak penguasa Perancis juga dilaporkan telah melakukan rampasan komoditi dagangan ke atas kapal-kapal tempatan termasuklah kapal-kapal British yang berada di pelabuhan-pelabuhan di sekitar Mesir. Selain itu, mereka turut merampas tanah-tanah pertanian atau 'Iltizam' yang sebelumnya dikendalikan oleh 'Multazim' yang majoritinya golongan Mamluk. Di samping itu, harta-harta milik golongan Mamluk yang ditinggalkan kerana melarikan diri juga dirampas dan dijadikan milik negara oleh Pengarah Kewangan Perancis (Bey 1976: 12). Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa, kesan

pendudukan Perancis ke atas Mesir telah menyebabkan ekonomi negara tersebut semakin tenat berbanding sebelum kemasukan mereka kerana semasa penjajahan, rakyat dilaporkan lebih menderita. Ini berikutan tindakan pihak Perancis yang mengenakan cukai yang lebih tinggi dan pelaksanaan kutipan yang lebih tegas daripada yang dilakukan oleh 'Multazim' sebelumnya. Dalam hal ini, seorang penulis Barat sendiri iaitu Darrel Dykstra (1998: 134) telah mengakui dengan menyatakan bahawa meskipun tiada anggaran tepat tentang kerugian yang dialami semasa berlangsung zaman penaklukan tersebut, namun secara keseluruhannya, keadaan ekonomi Mesir pada masa pemerintahan Perancis adalah lebih buruk berbanding keadaan sebelum kedatangan mereka. Rakyat Mesir juga dilaporkan mengalami lebih banyak penderitaan dan kesengsaraan berbanding keselesaan semasa pendudukan berlangsung.

#### PEWARTAAN PELBAGAI JENIS CUKAI BARU

Dalam hal-hal yang berkaitan dengan pungutan cukai, dua orang pegawai Perancis bernama Berthollet dan Mabuel telah dilantik sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mengawal selia dan memperbaiki sistem tersebut (Chandler 1966: 228). Pihak Perancis dilaporkan masih meneruskan sistem percukaian lama, iaitu 'Iltizam' yang dilaksanakan semasa pemerintahan 'Uthmaniyah, namun perbezaannya ialah hak memungut cukai atau jawatan 'Multazim' dan 'Sarraf' (pengurup wang) turut diberikan kepada orang Kristian Mesir (Dykstra 1998: 124). Dalam pada itu, peraturan pengutipan cukai juga semakin ketat dikawal oleh tentera Perancis yang menguasai seluruh tanah perkampungan bagi memastikan hasil yang dipungut sampai 'secara terus' kepada pihak berkuasa Perancis. Sumber-sumber sejarah menyatakan bahawa aktiviti pungutan sebegini telah berjalan tidak lama selepas pendudukan Perancis di Mesir, namun ia gagal kerana jumlah kutipan yang dikumpul begitu sedikit dan tidak mampu untuk menampung keperluan dana Perancis yang tinggi (Richmond 1977: 20).

Oleh yang demikian, beberapa langkah drastik telah diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut kerana Perancis memerlukan kewangan yang besar bagi membiayai kos penaklukan dan meneruskan 'survival' mereka di Mesir. Antaranya ialah beberapa jenis cukai baru diperkenalkan secara mendadak untuk memperolehi dana dalam masa yang singkat. Keadaan ini telah menekan penduduk Mesir yang rata-ratanya terlibat dalam sektor pertanian. Menurut P. M. Holt (1966: 157), rungutan sentiasa timbul daripada rakyat Mesir tentang sistem percukaian Perancis yang ternyata lebih keras daripada sistem yang dilaksanakan pada zaman pemerintahan 'Uthmaniyah-Mamluk kerana tentera Perancis sentiasa menekan penduduk dari semasa ke semasa.

## KESAN DALAM SEKTOR PERTANIAN

Adalah dilaporkan bahawa tiada perubahan yang ketara berlaku dalam bidang pertanian semasa penaklukan Perancis di Mesir melainkan pengenalan kincir angin dan air yang dikendalikan oleh sekumpulan jurutera Perancis iaitu Andreossy, Cafarelli, Costaz, Malus dan Say. Pembinaan kincir yang menggunakan kuasa angin adalah untuk menggantikan kincir yang menggunakan tenaga haiwan atau dikenali sebagai 'Saqiya' yang selama ini dipraktikkan di Mesir bagi mengangkut air dari sumbernya ke kawasan pertanian (Raymond 1981: 689). Walau bagaimanapun, selepas pengunduran Perancis, kincir angin tersebut dilaporkan tidak lagi digunakan di Mesir (Vatikiotis 1969: 40). Pihak Perancis juga sebenarnya tidak dapat mengawal sepenuhnya aktiviti pertanian di Mesir kerana golongan Bey Mamluk masih lagi berpengaruh dalam mengawal perniagaan bijirin. Ini terbukti apabila Kleber, iaitu pengganti Napoleon, perlu berunding terlebih dahulu dengan Murad Bey bagi mendapatkan sumber bijirin untuk bekalan makanan tentera Perancis di Mesir (Marsot 1964: 19-20). Golongan Mamluk juga dilaporkan masih menguasai aktiviti penapisan gula di samping menyediakan tanah dan binatang untuk kemudahan penanaman tebu di Girga (Owen 1981: 17).

Secara ringkasnya, kemerosotan sektor pertanian yang berlaku pada zaman sebelum penaklukan tidak berjaya dipulihkan pada era pendudukan Perancis kerana tiada sebarang pembaharuan yang dilaksanakan dengan efisien dan tiada laporan yang menyatakan bahawa hasil pertanian di Mesir semakin meningkat pada zaman pendudukan mereka. Peningkatan hanya berlaku pada zaman pemerintahan Muhammad 'Ali sehinggalah Perang Dunia Pertama (Black & Carl 1992: 83-84). Antara usaha yang dilakukan oleh beliau ialah memperbaiki terusan lama, menggali terusan baru, membawa masuk tanaman kapas jenis 'long-staple' dari India dan Sudan antara tahun 1821-1822 dan mengupah pakar-pakar pertanian dari luar negara untuk memberi bimbingan dalam soal pertanian.

## KESAN DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN

Sektor perindustrian juga masih kekal dengan cara lama di mana tiada usaha yang dilakukan oleh Perancis untuk membangunkan sektor tersebut. Mereka dilaporkan telah mengusahakan perusahaan membuat senjata yang bertujuan mendapatkan dana bagi menampung keperluan kewangan mereka. Di samping itu, mereka juga dikatakan telah menubuhkan sebuah syarikat peniagaan kecil bagi membeli produk tersebut dan menjualnya sama ada kepada orang Mesir atau dipasarkan ke Eropah (Richmond 1977: 20). Dengan ini jelas bahawa tiada sebarang pembaharuan yang memberangsangkan yang dikatakan dapat memajukan sektor perindustrian di Mesir semasa

pendudukan kuasa tersebut. Menurut John Marlowe (1974: 15), sektor perindustrian hanya berkembang maju pada zaman pemerintahan Muhammad 'Ali iaitu selepas pengunduran Perancis.

## KESAN DALAM SISTEM KEWANGAN

Mata wang yang digunakan di Mesir semasa zaman 'Uthmaniyah adalah 'Para' yang dicetak berdasarkan model 'Mu'ayyadi' (mata wang perak Mamluk) yang dikenali sebagai 'Miri' oleh rakyat Mesir atau *Medin* oleh orang Eropah. Pada abad ketiga pemerintahan 'Uthmaniyah di Mesir, nilai 'Para' mula merosot dan keadaan tersebut berterusan sehinggalah kedatangan Perancis. Semasa penaklukan Perancis, Napoleon cuba menguatkuasakan satu peraturan dalam usaha menstabilkan sistem kewangan Mesir. Antaranya beliau telah mengeluarkan arahan iaitu piawai berat 'Para' mestilah 2.25 gram dan campuran logamnya adalah sebanyak 35 peratus, manakala nilainya pula adalah bersamaan 0.035 Franc Perancis. Di samping itu, beliau juga menggunakan syiling emas atau 'Zer Mahbub' yang lama di mana beratnya dimestikan 2.592 gram dengan ketulenan emas sebanyak 69.8 peratus. Nilainya pula adalah sama dengan 180 *Para* atau 6.338 Franc. Di sini jelas bahawa Napoleon telah mengurangkan nilai mata wang tempatan dengan kadar yang tinggi untuk tukaran kepada mata wang Perancis yang sekali gus memberi impak besar kepada penduduk Mesir. Oleh kerana itulah usahanya untuk memperbaharui sistem kewangan di Mesir tampaknya tidak mendatangkan apa-apa hasil kerana rakyat seringkali merungut tentang hal tersebut.

Selain itu, Napoleon juga telah meletakkan jawatankuasa percetakan wang di Kaherah di bawah pengawasan Samuel-Bernard, salah seorang pegawai Perancis. Urusan pembayaran gaji dan pencen kepada pegawai-pegawai serta anggota 'Diwan' turut diletakkan di bawah tanggungjawab jawatankuasa tersebut. Sepanjang 33 bulan di bawah pentadbiran Samuel-Bernard, ia telah mengeluarkan sebanyak 261,727 keping syiling emas dan 160,829,912 keping *Para* (Shaw 1964: 169-170). Namun, sebagaimana yang telah dinyatakan, ia tidak berjaya memulihkan sistem kewangan Mesir kerana mereka mempunyai agenda tersendiri di sebalik pengurangan nilai mata wang tempatan. Perubahan lain yang dilakukan oleh Napoleon dalam pentadbiran kewangan hanyalah menukar nama perbendaharaan Mesir kepada 'Administration General des Finances' yang tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas ekonomi Mesir. Bahagian tersebut diketuai oleh Jean Baptiste Poussielgue iaitu seorang ahli ekonomi Perancis yang dilantik sebagai Pengarah Kewangan. Beliau merupakan pemimpin tertinggi yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal perbendaharaan dan mengawasi aktiviti pemungutan cukai (Richmond 1977: 20).

Secara umumnya dapat dinyatakan bahawa dalam aspek kewangan, hampir tiada pembaharuan yang dilakukan oleh Perancis dan mereka masih menggunakan mata wang yang lama semasa berkuasa di Mesir dan ini terbukti dalam sebuah laporan yang menyatakan bayaran kepada ahli 'Diwan' adalah menggunakan nilai 'Para'. Mata wang Perancis iaitu Franc juga digunakan, namun pemakaiannya tidaklah meluas. Ringkasnya, tiada pembaharuan jelas dalam sistem mata wang yang digunakan oleh Perancis semasa penaklukan berlangsung kerana rakyat tempatan masih menghadapi masalah dalam hal tersebut (Creelius 1967: 89).

#### KESAN TERHADAP SOSIAL MESIR

Pendudukan Perancis ke atas Mesir juga telah memberi banyak kesan negatif berbanding kesan positif seperti berikut:

#### KEMUSNAHAN HARTA BENDA DAN KORBAN JIWA

Salah satu daripada kesan pendudukan Perancis di Mesir ialah korban jiwa dan kemusnahan harta benda sama ada di pihak rakyat Mesir sendiri, mahupun di pihak Perancis. Bermula sejak pihak Perancis menjejakkan kaki sehingga mereka keluar dari bumi Mesir, beberapa peperangan telah meletus di antara pihak Perancis dan tentera Mamluk. Perang Pyramid pada 21 Julai 1798 telah menyaksikan kematian seramai 300 orang tentera Perancis, manakala tentera Mamluk pula adalah seramai 10,000 orang (Bey 1976: 5-6). Malapetaka yang berlaku ke atas Perancis di Abu Qir, iaitu serangan British terhadap armada Perancis atau dikenali juga dengan Perang Nil pada 1 Ogos 1798 telah mengakibatkan kemusnahan dan kerugian yang besar kepada Perancis. Daripada 14 buah kapal perang Perancis yang berlabuh di Abu Qir, hanya 2 buah kapal sahaja yang berjaya diselamatkan dan dilayarkan ke Malta, manakala 12 buah kapal termasuk kapal L'Orient telah musnah sama sekali di samping mengakibatkan Laksamana Bruey terkorban dalam tragedi tersebut. Sementara itu, jumlah tentera Perancis yang masih berbaki di Mesir selepas kejadian tersebut adalah seramai 15,000 orang daripada 38,000 orang yang menyertai ekspedisi tersebut (Connelly 2006: 99-101 ; Dykstra 1998: 134).

Pemberontakan Kaherah yang meletus pada 21 Oktober 1798 pula menyaksikan kemusnahan besar di kota Kaherah apabila Napoleon mengarahkan bom dilontarkan di perkarangan al-Azhar yang memusnahkan bangunan-bangunan di sekitarnya serta mengakibatkan kerosakan kepada Masjid al-Azhar. Dilaporkan bahawa kematian rakyat Mesir termasuk penduduk awam adalah seramai 2,000 hingga 3,000 orang, manakala di pihak Perancis pula adalah seramai 300 orang tentera termasuk General Dupuy dan Aide-de Camp Sulkowski (Chandler

1966: 230). Tentera Perancis juga dilaporkan memasuki Masjid al-Azhar dengan kuda-kuda mereka, memecahkan lampu-lampu, merampas dan menghancurkan buku-buku serta salinan-salinan al-Quran dan memijak-mijaknya (al-Jabarti 1975: 72-74). Dalam pada itu, tentera Perancis turut menangkap pemimpin-pemimpin pemberontak yang majoritinya terdiri daripada ulama al-Azhar termasuk 6 orang Shaykh dan seramai 80 orang dilaporkan telah dihukum bunuh di Citadel (Chandler 1966 : 230).

Sementara itu, semasa kempen Napoleon ke Syria pula, beliau telah membawa bersama-samanya seramai 13,000 orang tentera dan jumlah yang berjaya pulang semula ke Mesir adalah seramai 8,000 orang sahaja. Sejumlah 2,500 orang dilaporkan terbunuh dan 2,500 orang lagi cedera serta dijangkiti wabak taun. Pemberontakan Kaherah ke-2 yang berlaku dari 20 Mac hingga 21 April 1800 pula, menyaksikan gabungan rakyat Mesir yang terdiri daripada orang Islam dan Kibti bersepakat mengumpul wang bagi membeli senjata dan ubat bedil untuk menentang Perancis. Beberapa siri peperangan kemudiannya berlaku lagi dengan ketibaan tentera 'Uthmaniyah dan British, namun jumlah kerugiannya tidak dapat dipastikan. Sehingga tahun 1800, pihak Perancis telah mengalami kerugian besar dengan seramai 12,000 orang tenteranya terkorban di samping mengalami beberapa kemusnahan lain seperti kapal dan peralatan perang. Semasa Perancis menyerah kalah pada 1801, adalah dilaporkan masih terdapat seramai 8,000 orang tentera bersama-sama Menou yang menyerah diri dan berundur dari Mesir berbanding keseluruhan 38,000 orang yang menyertai ekspedisi di Mesir.

#### PENDEDAHAN BUDAYA BARAT

Kebudayaan Barat yang tidak bertunjangan Islam sedikit sebanyak meresap ke dalam masyarakat Mesir tanpa disedari. Walaupun tidak berjaya budaya barat itu mengalihkan anutan masyarakat Mesir terutamanya yang beragama Islam namun, budaya tidak sihat yang ditonjolkan askar-askar Perancis telah menimbulkan kejutan kepada masyarakat sehingga ada yang terikut-ikut. Antara sikap kurang sopan orang Perancis yang ketara ialah minum arak di tempat-tempat awam, berhibur di pusat-pusat hiburan dan berfoya-foya dengan wanita-wanita. Sementara itu, wanita Perancis pula tidak menutup aurat di samping terdapat juga dalam kalangan wanita-wanita Islam yang digalakkan untuk tidak bertudung di khalayak ramai. Kesemua perubahan tersebut ternyata bertentangan dengan adat rakyat Mesir yang sentiasa menutup aurat dalam khalayak umum dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang oleh agama. Selain itu, terdapat dalam kalangan orang Perancis yang tidak menghormati orang Islam dengan makan dan minum dalam khalayak ramai semasa bulan Ramadhan iaitu ketika masyarakat Islam sedang menunaikan ibadat berpuasa. Napoleon juga dilaporkan

telah mendirikan kelab-kelab malam, teater dan pusat kasino untuk membolehkan para tenteranya menghiburkan hati dan mengubat kerinduan kepada negara asal mereka (Bey 1976: 10 ; Chandler 1966: 230-231).

#### KESAN DALAM ASPEK PENDIDIKAN

Penaklukan Perancis ke atas Mesir menyebabkan gangguan terhadap sistem pembelajaran di madrasah berikutan ramai dalam kalangan ulama yang sebelum itu menjadi tenaga pengajar telah meninggalkan Kaherah semasa kedatangan Perancis. Ini disebabkan sikap Perancis yang keras terhadap mana-mana ulama yang menentang sehingga ada dalam kalangan mereka yang dihukum bunuh. Tindakan melarikan diri dan meninggalkan Kaherah oleh sebahagian ulama yang diburu oleh Perancis telah menyebabkan sistem pembelajaran di madrasah terbantut untuk seketika (Heywoth-Dunne 1968: 101). Dalam pada itu, pihak Perancis telah mendirikan dua buah sekolah yang bertujuan mengajar anak-anak orang Perancis yang berada di Mesir. Napoleon telah merancang mendirikan sekolah seni lukis dan sebuah hospital awam yang sekaligus berfungsi sebagai sekolah perubatan untuk melatih anak-anak tempatan dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, sekolah tersebut dirancang menggunakan bahasa Perancis dan untuk tujuan itu, sebuah sekolah rendah yang mengajar bahasa Perancis ditubuhkan. Walau bagaimanapun, rancangan Napoleon tersebut tidak menjadi kenyataan kerana penaklukan mereka yang singkat di Mesir dan mereka juga dilaporkan tidak begitu bersungguh-sungguh dalam melaksanakannya (Heywoth-Dunne 1968: 97-98).

#### KESAN TERHADAP ULAMA DAN KEILMUAN DI MESIR

Rata-rata penulis Barat menganggap bahawa kedatangan Perancis ke Mesir telah memberi kesan positif yang besar dari aspek perkembangan keilmuan di situ. Namun, selepas penelitian terperinci, penulis mendapati kesannya sebenar tidaklah sebegitu besar seperti yang diwar-warkan. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada kalangan ulama yang menerima faedah daripada mereka dan sebenarnya, setiap apa yang dilaksanakan oleh pihak Perancis di Mesir dari sudut keilmuan adalah bertujuan untuk kepentingan mereka sendiri. Sehingga kini, bahan-bahan sejarah hanya mencatatkan nama empat orang ulama sahaja yang mempunyai hubungan baik dengan pihak Perancis dalam bidang keilmuan iaitu Shaykh al-Mahdi, Shaykh al-Khashshab, Shaykh al-'Attar dan 'Abd al-Rahman al-Jabarti. Mereka pernah mengajar bahasa Arab kepada pegawai-pegawai Perancis, mempelajari serba sedikit ilmu-ilmu dari Barat dan mengunjung institut penyelidikan yang ditubuhkan oleh Napoleon. Oleh itu, peranan dan kesan empat orang ulama tersebut dalam menggerakkan reformasi atau pembangunan keilmuan di

Mesir adalah terbatas sama sekali memandangkan bilangan mereka yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Mesir yang ramai dan tambahan pula, mereka tidak mempunyai kuasa politik untuk menjayakan rancangan tersebut secara besar-besaran.

Manakala penubuhan 'Institut d'Egypt' oleh Napoleon di istana Qasim Bey pada 22 Ogos 1798 adalah bertujuan memajukan Perancis dalam pelbagai aspek penyelidikan tentang Mesir (Girgis 1975: 89). Malahan institut ini juga sebenarnya adalah badan penasihat kepada pihak Perancis tentang perkara yang berkaitan dengan polisi kerajaan. Semua kajian yang dilaksanakan dikehendaki diterbitkan sekali dalam setiap tiga bulan dan mesti diserahkan kepada pihak berkuasa (Vatikiotis 1969: 40). Setiap bahagian atau jawatankuasa yang ditubuhkan di institut tersebut mempunyai peranan tersendiri dalam membantu kerajaan mentadbir Mesir. Sebagai contoh, Bahagian Matematik telah menjalankan projek merancang pelan-pelan kota Kaherah, melakar peta bagi rancangan Terusan Suez dan membuat bancian tentang cukai-cukai yang dipungut oleh golongan Mamluk daripada orang ramai (al-Iskandari 1916: 116). Bahagian Ekonomi dan Politik pula memberi perhatian serius kepada soal kad pengenalan yang harus dimiliki oleh setiap rakyat, di samping menyediakan dokumen tentang hak perwarisan seperti sijil yang menunjukkan seseorang itu adalah waris yang berhak menuntut harta pusaka daripada si mati dan sebagainya.

Di samping itu, terdapat lagi beberapa bahagian lain yang menjalankan kajian untuk manfaat pihak Perancis seperti Jawatankuasa Penghasilan Serbuk Peledak yang dianggotai oleh empat orang pegawai iaitu Andreossy, Berthollet, Monge, Malus dan Venture dan Jawatankuasa Kajian Bahan Bakar yang diamanahkan kepada Berthollet, Costaz, Desegenettes dan Guletien (Girgis 1975: 89-90). Ini termasuklah Bahagian Arkeologi yang mengkaji khazanah dan peninggalan berharga Mesir seperti Piramid Besar Khufu, Sphinx, Batu Bersurat Rosetta dan makam-makam Firaun yang terdapat di utara dan selatan Mesir (Oakes 2003: 18-19; Marlowe 1974: 13). Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan 'Institut d'Egypt' boleh dianggap sebagai sesuatu yang baru bagi rakyat Mesir kerana di situlah mereka dapat melihat sendiri kemajuan Perancis. Namun, dari segi faedah dan manfaatnya terhadap penduduk dan ulama Mesir adalah terlalu terhad. Ini dapat dibuktikan kerana keahlian dalam institut tersebut adalah khusus kepada orang Perancis semata-mata dan ulama Mesir hanyalah sekadar dibenarkan untuk melawatnya sahaja. Lawatan ke institut ini telah dirakamkan secara ringkas oleh al-Jabarti (1975: 115-117) dalam karyanya yang berjudul 'Aja'ib al-Athar fi al-Tarajim wa al-Akhbar.'

Kedatangan Perancis juga dikatakan telah memperkenalkan orang Mesir kepada alat percetakan yang

dibawa oleh Napoleon (Heywoth-Dunne, 1968: 99). Beliau dilaporkan telah membawa dua buah mesin cetak yang fungsi atau kegunaannya lebih kepada menyebarkan risalah propaganda, arahan dan pengisytiharan pihak berkuasa Perancis ke atas penduduk tempatan. Manakala untuk orang Perancis yang berada di Mesir pula, Napoleon telah menerbitkan sebuah akhbar berbahasa Perancis pertama di Mesir iaitu 'Le Courier de L'Égypte' (Utusan Mesir) yang memuatkan berita-berita tentang perkembangan politik di Eropah. Selain itu, sebuah lagi risalah diterbitkan kepada orang Perancis iaitu 'La Décade Égyptienne' (Mingguan Mesir) yang memuatkan bahan-bahan sastera dan sains yang merupakan hasil kerja 'Institut d' Egypt' (Marlowe 1974: 10). Di samping itu, surat khabar pertama berbahasa Arab yang dinamakan 'al-Ushuriyah al-Masriyyah' turut dicetak (Girgis 1975: 89), namun pembacaannya dalam kalangan rakyat Mesir adalah terhad memandangkan kadar literasi yang amat rendah pada ketika itu.

#### PEMBAHARUAN DAN PEMODENAN MESIR PADA ZAMAN MUHAMMAD 'ALI PASHA (1805-1849)

Adalah jelas bahawa pendudukan Perancis yang singkat tidak berupaya membawa pembaharuan kepada Mesir dan terdapat banyak kesan negatif yang terhasil akibat tindakan atau langkah drastik yang dilaksanakan oleh Perancis. Hampir kesemua bahan sejarah menunjukkan bahawa pembaharuan atau pemodenan Mesir sebenarnya berlaku pada zaman Muhammad 'Ali Pasha. Tanpa menafikan ilham yang diperolehi semasa penaklukan kuasa asing tersebut, beliau telah mengorak langkah menerajui aktiviti pembaharuan dan pemodenan dalam pelbagai aspek yang memberi impak positif kepada reformasi negara itu. Sebagai contoh, untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan rakyat Mesir, beliau telah menggiatkan aktiviti penterjemahan buku-buku ilmiah daripada pelbagai bahasa ke dalam bahasa Arab bagi membolehkan rakyat Mesir membaca dan memahaminya. Muhammad 'Ali juga menumpukan perhatian kepada bidang percetakan dengan menerbitkan buku-buku berbentuk ilmu pengetahuan untuk bacaan umum. Selain itu, beliau menubuhkan Syarikat Percetakan Rakyat pada 1821 yang diletakkan di bawah penyeliaan Nuqala Musabaki al-Maruni yang mendapat latihan dari Eropah. Di sini jugalah diterbitkan akhbar 'al-Waqa'i' al-Misriyyah' pada 1828 (Harun Nasution 1975: 31).

Muhammad 'Ali aktif mengambil penasihat dan sarjana luar terutama dari Perancis untuk berkhidmat dalam pentadbiran beliau bagi memastikan usaha pemodenan Mesir berjalan lancar. Antara mereka ialah Clot Bey dalam bidang perubatan dan Jomard dalam bidang pendidikan terutamanya dalam mengendalikan program penghantaran anak-anak tempatan Mesir ke Paris untuk belajar di situ.

Dalam bidang ketenteraan, beliau telah melakukan program pemodenan tentera bagi memantapkan pertahanan negara. Bagi beliau, tentera bukan sahaja memerlukan senjata canggih, pakaian seragam baru, latihan dan kemudahan pembelajaran baru, tetapi juga memerlukan satu organisasi yang sistematik dan perkhidmatan sokongan yang berkesan. Untuk tujuan tersebut juga, beliau telah melantik Kolenel Seve (Sulayman al-Faransawi) sebagai penasihat dalam bidang ketenteraan.

Dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian, Muhammad 'Ali telah mengambil beberapa langkah efektif yang akhirnya dapat memajukan sektor-sektor tersebut. Beliau telah menyusun semula sistem pengurusan pertanian dengan cara yang lebih sistematik dan efisien serta mewujudkan satu badan khas untuk kutipan cukai kerajaan. Ini termasuklah menggantikan sistem 'Iltizam' dengan sistem cukai yang baru yang dikenali sebagai 'Uhda'. Untuk menambahkan produktiviti, beliau mendirikan dan mewujudkan sistem pengairan yang lengkap yang membolehkan petani menanam tiga jenis tanaman setahun di kawasan yang sama. Dalam bidang perindustrian, beliau memperkenalkan tanaman kapas yang lebih berkualiti ('long-staple') yang menjadikan industri tekstil Mesir semakin penting. Beliau juga membangunkan kilang-kilang memproses makanan, barangan kulit, peralatan senjata dan sebagainya. Sistem pengangkutan juga dimajukan bagi melancarkan aktiviti perdagangan dan perhubungan sama ada dalam negeri, mahupun antarabangsa. Selain itu, Muhammad 'Ali juga menggunakan kepakaran kumpulan Saint Simonians, iaitu ahli-ahli sains dari Perancis yang ditugaskan untuk merancang pembinaan Terusan Suez bagi hubungan perdagangan antara Timur dan Barat. Dengan perancangan yang teliti dan sistematik, Muhammad 'Ali dikatakan sebagai pemerintah Mesir pertama pada zaman moden yang berjaya membawa kemajuan dan kemodenan di Mesir (Aronian & Mitchell 1991: 84-85).

#### KESIMPULAN

Penaklukan Perancis ke atas Mesir seperti yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa itu adalah dasar imperialisme yang dilaksanakan oleh kuasa-kuasa Eropah ke atas empayar Islam, khususnya ke atas wilayah-wilayah 'Uthmaniyah. Pada ambang kedatangan Perancis secara umumnya Mesir dilaporkan berada dalam keadaan yang tidak stabil serta berlaku kemerosotan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Kejayaan penaklukan Perancis ke atas Mesir merupakan satu bukti kekuatan armada Perancis serta tenteranya dalam menawan wilayah terpenting empayar 'Uthmaniyah di seberang Laut Mediterraeen. Secara keseluruhannya, ekspedisi Perancis ke Mesir merupakan gangguan singkat yang dialami oleh

masyarakat Mesir dan tidak meninggalkan kesan yang kekal di Mesir kerana tempoh pemerintahan mereka yang singkat. Kehadiran mereka juga tidak berjaya mengubah sepenuhnya landskap politik, ekonomi dan sosial masyarakat Mesir seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Hal ini dapat dilihat daripada sistem pemerintahan yang berlaku selepas pengunduran Perancis yang tidak mengekalkan sistem yang telah dilaksanakan oleh kuasa tersebut ketika memerintah Mesir.

Walaupun penaklukan Perancis di Mesir berlangsung selama tiga tahun sahaja, namun telah mendatangkan banyak kesan negatif berbanding kesan positif kepada rakyat dan negara tersebut. Dari segi politik, meskipun rakyat Mesir didedahkan dengan idea demokrasi dan parlimen, namun kuasa mutlak masih kekal berada di tangan Perancis. Malah, dengan 'Diwan-diwan' tersebut, Perancis telah berjaya melebar dan mengukuhkan cengkamannya ke atas Mesir melalui pelbagai undang-undang baru yang menjaga maslahat mereka sehingga seringkali mengakibatkan pemberontakan rakyat. Penglibatan ulama dalam 'Diwan-diwan' itu juga tidak lebih daripada usaha Perancis untuk meraih sokongan rakyat bagi mengukuhkan pentadbiran dan mengelakkan penentangan penduduk tempatan. Pelantikan Ketua Kadi daripada kalangan orang Mesir yang dibuat oleh Perancis juga adalah jelas bertentangan dengan tradisi umat Islam di mana Ketua Kadi sebelum itu dilantik oleh Sultan 'Uthmaniyah yang terdiri daripada orang Turki. Ini memperlihatkan ulama Mesir sememangnya tidak mempunyai apa-apa pilihan melainkan terpaksa akur dengan kehendak Napoleon meskipun bertentangan dengan amalan yang telah mereka praktikkan sejak beratus tahun dahulu.

Antara kesan negatif yang paling jelas akibat penaklukan Perancis ialah tercetusnya beberapa pemberontakan rakyat yang mewujudkan keadaan politik yang tidak stabil. Kedatangan mereka juga menyebabkan kemerosotan kekuasaan Mamluk yang telah pun memainkan peranan penting dalam sejarah keagungan dan kegemilangan umat Islam di Mesir sejak tahun 1250. Pengunduran Perancis juga tidaklah bermakna penyelesaian bagi Mesir kerana antara kesannya ialah berlaku perebutan kuasa antara rakyat tempatan, 'Uthmaniyah dan golongan Mamluk sehingga meletakkan Mesir dalam keadaan yang sentiasa runcing dan bergolak. Sejak pengunduran Perancis juga, beberapa kuasa asing seperti British mula membuka mata dan menilai sendiri potensi ekonomi dan kekayaan bumi Mesir. Justeru, ia telah menjadi idaman bagi negara-negara Eropah untuk menaklukinya sehinggalah British akhirnya dapat jua menawan Mesir pada 1882.

Dalam aspek ekonomi, kedatangan Perancis dilaporkan mendatangkan begitu banyak kesan negatif kerana mereka tidak berjaya memulihkan kembali ekonomi Mesir yang telah pun menghadapi krisis sejak sebelum kedatangan

mereka lagi. Mereka menyebabkan sektor perdagangan bertambah merosot dengan peraturan dan kadar cukai yang membebankan. Ini termasuklah rampasan harta benda yang dilakukan oleh penguasa Perancis untuk menampung 'survival' mereka di Mesir. Tindakan-tindakan yang tidak popular ini tidak berjaya sama sekali untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, malah telah mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi, iaitu pemberontakan rakyat yang mengganggu aktiviti tersebut. Manakala dalam sektor pertanian dan perindustrian pula, hampir tiada pembaharuan yang dibuat semasa penaklukan berlangsung melainkan memperkenalkan kincir angin dan kilang membuat senjata yang kemudiannya tidak digunakan selepas pengunduran mereka. Sistem kewangan juga menunjukkan bahawa Perancis tidak membawa pembaharuan kerana mereka masih mengekalkan penggunaan mata wang digunakan di Mesir seperti sebelumnya. Malahan, Napoleon telah mengurangkan nilai mata wang tempatan berbanding mata wang Perancis yang tinggi untuk kepentingan mereka.

Dari sudut sosial, penaklukan Perancis diakui telah menyebabkan berlaku kerugian besar harta benda dan kehilangan banyak nyawa terutama di pihak tempatan. Ia juga mendedahkan umat Islam Mesir dengan sesetengah budaya dan sosial Barat yang bertentangan dengan Islam. Pembaharuan yang berlaku dalam sistem pendidikan pula tidak jelas kerana Perancis mempunyai sistem pengajian mereka yang tersendiri dan sekolah-sekolah yang dibina pula adalah bertujuan untuk mengajar anak-anak orang Perancis yang berada di Mesir. Apa yang nyata ialah sistem pembelajaran di madrasah-madrasah telah terganggu dan terbantut buat seketika kerana ramai dalam kalangan ulama yang menjadi tenaga pengajar telah meninggalkan Kaherah atau ditangkap oleh pihak Perancis. Penubuhan 'Institut d'Egypt' juga dilihat bertujuan memajukan Perancis dalam pelbagai aspek penyelidikan tentang Mesir. Malahan institut tersebut juga sebenarnya merupakan badan penasihat kepada pihak Perancis dalam penggubalan polisi kerajaan. Hanya sebilangan kecil ulama Mesir yang dapat memanfaatkannya, dikekang pula dengan keahliannya yang khusus kepada orang Perancis sahaja. Manakala pengenalan alat percetakan pula bukanlah bertujuan memberi pendidikan kepada orang Mesir, tetapi lebih kepada menyebarkan propaganda, arahan dan pengisytiharan pihak berkuasa Perancis dengan lebih mudah dan berkesan berbanding jika dilakukan secara lisan.

Tidak dinafikan bahawa Perancis telah memperkenalkan beberapa idea baru, namun angin pembaharuan sebenar masyarakat Mesir terutamanya dalam aspek ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi hanya terbukti pada zaman Muhammad 'Ali Pasha, iaitu tiga tahun selepas pengunduran Perancis. Beliau telah bekerja kuat untuk memajukan Mesir kerana negara itu telah banyak

ketinggalan dalam aspek kemajuan ilmu dan teknologi jika dibandingkan dengan pencapaian Barat. Beliau telah melakukan pelbagai rombakan dan pembaharuan dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan, pendidikan, pertanian, perindustrian, perdagangan, pengangkutan dan sebagainya. Oleh itu, tidak hairanlah beliau dikenali sebagai 'Pengasas Pemodenan Mesir.' Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa penaklukan Perancis telah mendatangkan lebih banyak kesan negatif berbanding kesan positif kepada rakyat dan negara Mesir. Oleh itu, adalah tidak benar sama sekali dakwaan yang menyatakan bahawa kedatangan kuasa tersebut telah membawa banyak pembaharuan dan memberi banyak impak positif.

#### PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, IKMAS di atas segala idea dan saranan yang diberikan bagi memantapkan makalah ini.

#### RUJUKAN

- al-Iskandari, 'Umar. 1916. *Tarikh Misr ila al-Fath al-'Uthmani*. Kaherah: Matba'at al-Ma'arif.
- al-Jabarti, 'Abd al-Rahman. 1975. *Tarikh Muddat al-Faransis bi Misr*. Netherlands: E.J. Brill.
- Amin, Ahmad. 1980. *Islam Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Jamal Mohammad. 1960. *The Intellectual Origins of Egyptian Nationalism*. London: Oxford University Press.
- Armajani, Yahya & Ricks, T.M. 1970. *Middle East Past and Present*. N.J: Prentice-Hall, Engle Cliff.
- Aronian, L.A. & Mitchell, R.P. 1991. *Timur Tengah dan Asia Utara Moden*. Terj. Mohammad Redzuan Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bey, M. Rifaat. 1976. *The Awakening of Modern Egypt*. Lahore: Premier Book House.
- Black, C.E. & Carl, B. eds. 1992. *Modernization in the Middle East*. Princeton: The Darwin Press.
- Chandler, David G. 1966. *The Campaigns of Napoleon*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Collin, R.O. & Tignor, R.L. 1967. *Egypt and The Sudan*. New Jersey: A Spectrum Book.
- Connelly, Owen. 2006. *The Wars of the French Revolution and Napoleon 1792-1815*. New York: Routledge.
- Crecelius, D.N. 1967. *The Ulama and the State in Modern Egypt*. Michigan: University Microfilm International.
- Crecelius, D. 1998. Egypt in the Eighteenth Century. Dlm. *The Cambridge History of Egypt*, disunting oleh Daly, M.W. 2: 113-138. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Dykstra, D. 1998. The French Occupation of Egypt 1798-1801. Dlm. *The Cambridge History of Egypt*, disunting oleh Daly, M.W. 2: 113-138. United Kingdom: Cambridge University Press.
- El-Shayyal, Gamal el-Din. 1968. Some Aspects of Intellectual and Social Life in Eighteenth-century Egypt. Dlm. *Political and Social Change in Modern Egypt*, disunting oleh Holt, P.M. London: Oxford University Press.
- Faruki, K.A. 1971. *The Evolution of Islamic Constitutional Theory and Practice*. Karachi: National Publishing House Ltd.
- Gibb, H.A.R. & Bowen, Harold. 1969. *Islamic Society and the West*. Jil. 1. London: Oxford University Press.
- Girgis, Samir. 1975. *The Predominance of the Islamic Tradition of Leadership in Egypt During Bonaparte's Expedition*. Frankfurt: Herbert Lang Bern.
- Goldschmidt, A. 1990. *Modern Egypt the Formation of a Nation-State*. Kaherah: The American University Press.
- Hanna, S.A. 1970. The Egyptian Mind and the Idea of Democracy. *International Journal Middle East Studies*. 1(3): 238-247. <http://links.jstor.org/sici>
- Harun Nasution. 1975. *Pembaharuan dalam Islam Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Herold, J. Christopher. 1963. *Bonaparte in Egypt*. London: Hamish Hamilton.
- Heywoth-Dunne, J. 1968. *An Introduction to the History of Education in Modern Egypt*. London: Frank Cass & Company Limited.
- Jarrar, Husni Adham. 1990. *Asrar Hamlat Nabuliyun 'ala Misr wa al-Sham*. Amman: Dar al-Diya'.
- Lenczowski, G. 1980. *The Middle East in World Affairs*. London: Cornell University Press.
- Marlowe, J. 1974. *Spoiling the Egyptians*. London: Andre Deutsch.
- Marsot, Afaf Lutfi al-Sayyid. 1968. The Role of Ulama in Egypt during the Early Nineteenth Century. Dlm. *Political and Social Change in Modern Egypt*, disunting oleh Holt, P.M. London: Oxford University Press.
- Marsot, Afaf Lutfi al-Sayyid. 1984. *Egypt in the Reign of Muhammad 'Ali*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Moosa, Matti I. 1966. Napoleon's Islamic Policy in Egypt. *The Islamic Quarterly* 10: 103-116.
- Moreh, Shmuel. 1993. *Napoleon in Egypt al-Jabarti's Chronicle of French Occupation, 1798*. Terj. Princeton: Markus Wiener Publishing.
- Oakes, L. 2003. *Sacred Sites of Ancient Egypt*. London: Anness Publishing Limited.
- Owen, R. 1981. *The Middle East in the World Economy 1800-1914*. Methuen @ Co. Ltd.
- Raymond, A. 1981. The Economic Crisis of Egypt in the Eighteenth Century. Dlm. *The Islamic Middle East 700-1900: Studies in Economic and Social History*, disunting oleh Udovitch A.L. New Jersey: The Darwin Press.
- Richmond, J.C.B. 1977. *Egypt 1798-1952: Her Advance Towards A Modern Identity*. New York: Columbia University Press.
- Shaw, S.J. 1964. *Ottoman Egypt in the Age of French Revolution*. Cambridge: Harvard Middle Eastern Monographs.
- Silvera, Alian. 1974. The Origin of the French Expedition to Egypt in 1798. *The Islamic Quarterly* 18: 21-30.
- 'Umar, 'Umar 'Abd al-'Aziz. 1975. *Dirasat fi Tarikh al-'Arab al-Hadith wa al-Mu'asir*. Beirut: Dar al-Nahdat al-'Arabiyyah.
- Vatikiotis, P.J. 1969. *The Modern History of Egypt*. London: Weidenfeld and Nicolson.
- Wan Kamal Mujani, PhD.  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi  
Selangor D.E.  
Malaysia  
E-mail: [inawan@ukm.my](mailto:inawan@ukm.my)  
Telefon: 03-89215622

Napisah Karimah Hj. Ismail  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi  
Selangor D.E.  
Malaysia

